

PROSEDUR PENSIJILAN VHM

1. Terima permohonan secara online melalui **borang google form**. Salinan borang permohonan (cetak) dan dokumen sokongan mengikut senarai semak yang disediakan hendaklah dihantar kepada Urus Setia Pensijilan Veterinar di Bahagian Regulatori Veterinar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh permohonan dibuat.
2. Ketua Seksyen/Unit lantik seorang Auditor Veterinar Dilantik (AVD) bagi menjalankan audit dokumen (adequacy audit)
3. AVD periksa dan semak permohonan yang diterima bagi memastikan isi kandungan dan dokumen sokongan bagi setiap butiran di dalam borang permohonan mematuhi keperluan minima VHM.
4. Urus setia Pensijilan Veterinar/ AVD akan menghubungi pemohon sekiranya memerlukan maklumat/dokumen tambahan yang berkaitan.
5. Ketua Seksyen/Unit lantik sekurang-kurangnya dua (2) AVD bagi menjalankan audit keakuran.
6. Pemeriksaan keakuran dijalankan merangkumi audit dokumen QAP, GMP, HACCP dan audit lapangan.
7. AVD menyediakan dan bentang laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Veterinar (JTPVet) untuk pertimbangan.
8. Jawatankuasa Penganugerahan Pensijilan Veterinar (JPPVet) buat keputusan setelah meneliti laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Veterinar (JTPVet).
9. Permohonan yang lulus akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, No. VHM dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi serta boleh juga disemak secara atas talian di laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Veterinar.